

Kesan awal sekatan penularan

Oleh Ekhwan Haque
Fazlu Haque

ekhwan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pengesanan awal kes cacar monyet mampu mengekang penularan wabak itu dalam kalangan komuniti.

Profesor Kesihatan Awam, Datuk Dr Lokman Hakim Sulaiman berkata, tindakan segera ini antara lain boleh menyelamatkan pesakit daripada menjadi lebih kritikal.

Beliau yang juga Pro Naib Canselor Universiti Perubatan Antarabangsa Kuala Lumpur berkata, doktor klinik awam dan swasta perlu lebih teliti jika ada pesakit disyaki menghidap cacar monyet datang untuk mendapatkan rawatan.

Katanya, kes sedemikian perlu ditangani segera dan sempurna agar rawatan lanjut dapat diberikan sebelum ia lebih kritikal.

“Tindakan pengesanan awal mampu menghalang wabak ini masuk ke dalam komuniti dan ia perlu diasiat dengan sempurna.



PERLINDUNGAN sendiri perlu ditingkatkan agar penularan dapat dielak walaupun ia tidak boleh disebar melalui udara.

“Setakat ini, cacar monyet boleh merebak, namun ia lebih berisiko kepada golongan yang melakukan seks rambang,” katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Dr Lokman berkata, perlindungan sendiri perlu ditingkatkan agar penularan dielak walaupun ia tidak mam-

pu disebar melalui udara. Katanya, rakyat juga perlu diberikan pendidikan yang lebih meluas dan langkah penjagaan yang perlu diambil bagi memastikan Malaysia bebas dari wabak ini.

Beberapa negara jiran sudah melapor kes cacar monyet termasuk Singapura

yang kini melaporkan sembilan kes.

Kementerian Kesihatan (KKM) kini menyediakan pelan strategik bagi menghablapi risiko kemasukan jangkitan cacar monyet ke negara ini walaupun tiada kes setakat ini.

Menteri Kesihatan Khairy

Jamaluddin sebelum ini dilaporkan berkata, garis panduan bagi pengurusan kes itu merangkumi tatacara pengesanan dan notifikasi kes, pengambilan sampel bagi ujian makmal, siyasatan dan pengurusan kes serta kontak rapat, langkah pencegahan dan kawalan dan Pemanta-



Setakat ini, cacar monyet boleh merebak namun ia lebih berisiko kepada golongan yang melakukan seks rambang”

Dr Lokman Hakim

uan di Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) negara.

Dua hari lalu, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengisytiharkan penularan cacar monyet sebagai darurat kesihatan global, amaran tahap tertingginya.